

Ekonomi negara diunjur berkembang 5.3 peratus suku pertama

Prestasi cerminan kekal berdaya tahan meskipun berdepan ketegangan geopolitik

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang sebanyak 5.3 peratus pada suku pertama 2026, menyederhana daripada pertumbuhan 6.3 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi ekonomi Malaysia pada suku tahun pertama 2026 mencerminkan ekonomi yang kekal berdaya tahan secara asasnya, meskipun berdepan ketidaktentuan global yang semakin meningkat, khususnya kenaikan harga minyak berikutan ketegangan geopolitik.

Beliau berkata, sektor pembuatan mengekalkan momentum positif dalam dua bulan pertama 2026, dengan pengeluaran berkembang masing-masing sebanyak 7.3 peratus dan 4.2 peratus, didorong terutama oleh industri berorientasikan eksport.

"Perbelanjaan bermusim sempena Tahun Baharu Cina, di samping perbelanjaan menyambut bulan Ramadan dan sambutan hari raya, terus menyokong aktiviti ekonomi keseluruhan.

"Faktor ini, seiring dengan penyaluran Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta pelaksanaan fasa kedua semakan gaji penjawat awam, menyumbang kepada pertumbuhan yang stabil dalam jualan perdagangan borong dan runcit, yang meningkat sebanyak 7.3 peratus pada Januari dan 5.3 peratus pada Februari 2026.

"Dari sudut luaran, aktiviti perdagangan kekal disokong oleh pengembangan berterusan dalam kedua-dua eksport domestik dan eksport semula," katanya dalam satu kenyataan laporan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awal, Suku Tahun Pertama 2026 yang diterbitkan DOSM, semalam.

Mohd Uzir berkata, prestasi sektoral pada suku tahun pertama

2026 memperlihatkan momentum pertumbuhan ekonomi yang menyederhana merentas lima sektor utama.

Menurutnya, sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan KDNK secara keseluruhan dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.4 peratus.

"Prestasi sektor ini didorong terutama oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, mencerminkan perbelanjaan pengguna yang kekal mampan, disokong oleh pasaran buruh yang stabil, peningkatan pendapatan isi rumah, serta pelaksanaan pelbagai inisiatif berteraskan rakyat yang merangsang aktiviti isi rumah," katanya.

Sektor pembuatan meningkat

Sementara itu, Mohd Uzir berkata subsektor maklumat dan komunikasi turut menyumbang kepada prestasi pada suku berkenaan yang disokong oleh peningkatan permintaan terhadap aktiviti berkaitan pusat data dan kecerdasan buatan.

Sektor pembuatan turut merekodkan pertumbuhan

sebanyak 5.8 peratus, disokong sebahagian besarnya oleh peningkatan kukuh dalam pengeluaran produk elektrik, elektronik dan optikal, serta produk minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan serta pemrosesan makanan.

Mohd Uzir menambah, sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku berkenaan sebanyak 7.8 peratus, disokong terutama oleh aktiviti pembinaan pertukangan khas serta bangunan bukan kediaman.

Beliau berkata, sektor pertanian berkembang sebanyak 7.3 peratus, didorong oleh pertumbuhan dalam subsektor kelapa sawit dan ternakan.

"Sementara itu, sektor perlombongan dan pengkuarian merosot kepada negatif 1.1 peratus berbanding pertumbuhan 2.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, sejajar dengan pengeluaran yang lebih rendah, khususnya bagi minyak mentah dan kondensat serta gas asli," katanya.

Susulandari pada anggaran awalan ini, KDNK preliminary yang menyediakan analisis terperinci dan komprehensif mengenai prestasi ekonomi bagi suku pertama 2026 akan diterbitkan pada 15 Mei 2026.



Mohd Uzir Mahidin

